

# **Doa & Zikir Dalam Al-Quran**

**Firdaus bin Yahya**

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله المجيب دعواته الداعي إذا دعاه، والصلاة والسلام على  
سيدنا محمد رسول الله ونبهه وحببه.

Segala pujian bagi Allah s.w.t yang telah membantu saya mengumpulkan doa-doa yang termaktub dalam Al-Quran dan beberapa zikir serta tasbih yang ada dalamnya.

Buku kecil ini terbahagi kepada dua bahagian: doa dan zikir. Di dalam bahagian doa, saya cuba berikan tajuk-tajuk bagi setiap doa yang saya rasakan paling dekat dengan maksud doa itu. Namun, banyak doa dalam Al-Quran mempunyai lebih dari satu tujuan dan maksud. Sebagai contoh, doa taubat juga merupakan doa memohon rahmat. Oleh itu, para pembaca digalakkan untuk tidak mengkhususkan doa-doa Al-Quran untuk satu-satu tujuan sahaja.

Saya mohon kepada Allah s.w.t semoga Dia menerima amalan ini dan menjadikannya bekalan yang berlipat ganda untuk saya dan para pembaca serta yang mengamalkannya sehingga Hari Pembakitan, ameen.

Firdaus Yahya  
Sya'ban 1436 / Jun 2015

Diterbitkan oleh:  
Darul Huffaz Learning Centre  
218 Changi Road  
Singapore 419737  
Email : [info@darulhuffaz.sg](mailto:info@darulhuffaz.sg)  
Website : [www.darulhuffaz.sg](http://www.darulhuffaz.sg)  
Tel : 9636 5353

ISBN 978-981-09-5746-9

# Kandungan

<b>Bahagian Doa</b>	<b>5</b>
Pembukaan Doa	7
Permohonan Kebaikan Dunia Dan Akhirat	9
Permohonan Pengampunan	9
Memudahkan Urusan	13
Taubat	14
Perlindungan Daripada Api Neraka	16
Hidayah Dan Rahmat	17
Penerimaan Sebagai Orang Yang Menyaksikan	
Kebenaran Rasulullah s.a.w	18
Ketika Bangun Malam Untuk Ibadat	19
Terlepas Daripada Kezaliman	21
Kesabaran	22
Kehancuran Atas Orang Yang Zalim	23
Untuk Ibu Bapa	24
Untuk Keluarga	25
Menghilangkan Dukacita	26
Melengkapkan Cahaya Iman	26
Untuk Mereka Yang Sudah Meninggal Dunia	27
Perlindungan Daripada Fitnah Orang Kafir	28
Doa Untuk Saudara Yang Beriman	28
Perlindungan Daripada Meminta Perkara Yang Tiada Bermanfaat	29

Perlindungan Daripada Fitnah Wanita	30
Melapangkan Dada Dan Melancarkan Lidah	30
Menambahkan Ilmu	31
Mohon Zuriat	32
Keadilan Ketika Hukuman	32
Ketika Sampai Tempat Tujuan Pelayaran	33
Keselamatan Daripada Kaum Yang Zalim	34
Perlindungan Daripada Godaan Syaitan	34
Untuk Berdakwah	35
Bersama Orang Soleh Di Syurga	35
Ketika Mendapat Ni'mat	36
Perlindungan Daripada Membantu Orang Buat	
Maksiat	37
Mohon Rezeki	38
Kemenangan Atas Kaum Yang Jahat	38
Ketika Sudah Melebihi Umur 40 Tahun	39
Doa Naik Kenderaan	40
Perlindungan Daripada Bercakap Yang	
Tidak Baik	40
Penutup Doa	41
<b>Bahagian Zikir</b>	<b>43</b>

# **BAHAGIAN DOA**



## Pembukaan Doa

اَللّٰهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ، تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ،  
وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ، وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ، وَتُذِلُّ  
مَنْ تَشَاءُ، بِيَدِكَ الْخَيْرُ، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيْرٌ، تُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ، وَتُوَلِّجُ النَّهَارَ فِي  
اللَّيْلِ، وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ، وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ  
مِنَ الْحَيِّ، وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ.

(Ali-Imran, 26-27)

Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas



tiap-tiap sesuatu. Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam. Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dengan tiada hitungan hisabnya

### **Penerimaan Amal**

*Ini adalah doa Nabi Ibrahim a.s selepas membina Ka'abah bersama anaknya Nabi Ismail a.s.*

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَتُبْ  
عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ.

(Al-Baqarah, 127-128)

Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui; dan

terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

### **Permohonan Kebaikan Dunia Dan Akhirat**

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ.

(Al-Baqarah, 201)

Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

### **Permohonan Pengampunan**

سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ.

(Al-Baqarah, 285)

Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali

رَبَّنَا إِنَّا آمَنَّا فَاعْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

(Ali Imran, 16)

Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu, ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab neraka.

*Ini adalah doa Nabi Adam a.s dan isterinya setelah memakan buah yang dilarang Allah s.w.t.*

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ.

(Al-'Araf, 23)

Wahai Tuhan kami! Kami telah menzalimi diri kami sendiri. Kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, kami akan jadi daripada golongan yang rugi.

رَبَّنَا آمَنَّا فَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ.

(Al-Mukminun, 109)

Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman. Oleh itu ampunilah kami dan rahmatilah kami, Engkaulah jua sebaik-baik Pemberi rahmat.

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s setelah menolak musuh kaumnya sehingga orang itu mati.*

رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي.

(Al-Qasas, 16)

Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku maka ampunilah daku.

*Ini adalah doa para malaikat untuk orang-orang Mukmin.*

رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَّحْمَةً وَعِلْمًا، فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ، رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّاتٍ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدْتَهُمْ وَمَنْ

صَلِّحْ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ، إِنَّكَ أَنْتَ  
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ، وَقِهِمُ السَّيِّئَاتِ.

(Ghafir, 7-8)

Wahai Tuhan kami! RahmatMu dan IlmuMu meliputi segala-galanya; maka berilah pengampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan yang menurut jalan-Mu, serta peliharalah mereka dari azab neraka. Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga Aden yang Engkau telah janjikan kepada mereka; bersama orang-orang yang layak di kalangan ibu bapa mereka, dan isteri-isteri mereka, serta keturunan mereka. Sesungguhnya Engkaulah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Dan peliharalah mereka dari (balasan) kejahatan-kejahatan (yang mereka lakukan).

*Ini adalah doa Nabi Nuh a.s.*

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ، وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي مُؤْمِنًا  
وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ.

(Nuh, 28)

Wahai Tuhanku! Ampunilah daku, kedua ibu bapaku, sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman dan semua orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan.

### Memudahkan Urusan

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا، رَبَّنَا وَلَا  
تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ  
قَبْلِنَا، رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ، وَاعْفُ  
عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا، أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى  
الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

(Al-Baqarah, 286)

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.

### **Taubat**

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s setelah melihat gunung hancur dihadapannya di Tur Sinai.*

سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ.

(Al-'Araf, 143)

Maha Suci Engkau, aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang awal pertama beriman.

*Ini adalah doa Nabi Yunus a.s ketika berada dalam perut ikan.*

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ، إِيَّيْكَ كُنْتُ مِنَ  
الظَّالِمِينَ.

(Al-Anbiya', 87)

Sesungguhnya tiada tuhan melainkan Engkau. Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku dari kalangan yang menzalimi diri sendiri.

*Ini adalah doa pemilik-pemilik kebun yang tidak mahu mengongsi hasil tanaman mereka dengan orang-orang yang susah. Maka kebun mereka dibakar oleh Allah s.w.t.*

سُبْحَانَ رَبِّنَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ.

(Al-Qalam, 29)

Maha Suci Tuhan kami, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang zalim.



## Perlindungan Daripada Api Neraka

سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

(Ali-Imran, 191)

Maha Suci Engkau, peliharalah kami dari azab neraka.

رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ، إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا.

(Al-Furqan, 65)

Wahai Tuhan kami! Jauhkanlah azab neraka Jahannam daripada kami, sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasaan yang kekal.

رَبَّنَا اكْشِفْ عَنَّا الْعَذَابَ إِنَّا مُؤْمِنُونَ.

(Ad-Dukhan, 12)

Wahai Tuhan kami! Hapuskanlah azab daripada kami, sesungguhnya kami orang-orang yang beriman.

## Hidayah Dan Rahmat

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا، وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً، إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.

(Ali Imran, 8)

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau palingkan hati kami (daripada kebenaran) selepas Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.

*Doa ini dibaca oleh penghuni Syurga.*

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.

(Al-'Araf, 43)

Segala pujian untuk Allah yang telah memberi kami hidayah untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal Kami tidak sekali-kali akan

memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami (dengan taufiqNya).

*Doa ini dibaca oleh Ashabul Kahfi.*

رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً، وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا  
رَشَدًا.

(Al-Kahfi, 10)

Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat daripada-Mu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami dalam urusan kami.

### **Penerimaan Sebagai Orang Yang Menyaksikan Kebenaran Rasulullah**

**s.a.w**

*Doa ini dibaca oleh Al-Hawariyyun, iaitu pengikut setia Nabi Isa a.s.*

رَبَّنَا آمَنَّا بِمَا أَنْزَلْتَ وَاتَّبَعْنَا الرَّسُولَ، فَاكْتُبْنَا مَعَ  
الشَّاهِدِينَ.

(Ali Imran, 53)

Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan, dan kami mengikut RasulMu; maka catitkanlah kami di kalangan mereka yang menyaksikan (kebenaran Rasul-Mu).

*Doa ini dibaca oleh para rahib Nasrani yang memeluk agama Islam.*

رَبَّنَا آمَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ.

(Al-Maidah, 83)

Wahai Tuhan kami! Kami beriman (kepada Nabi Muhammad dan Kitab Suci Al-Quran), oleh itu catitkanlah kami bersama-sama orang-orang yang menyaksikan (kebenaran Nabi Muhammad s.a.w).

### **Ketika Bangun Malam Untuk Ibadat**

*Doa ini dibaca oleh Rasulullah s.a.w ketika bangun malam untuk Tahajjud.*

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ، فَقِنَا عَذَابَ

النَّارِ، رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تَدْخِلِ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَيْتَهُ، وَمَا

لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ، رَبَّنَا إِنَّنا سَمِعنا مُنَادِيًا يُنَادِي  
 لِلإِيمَانِ أَنْ آمِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا، رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا  
 ذُنُوبَنَا، وَكْفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا، وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ،  
 رَبَّنَا وَآتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ  
 الْقِيَامَةِ، إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ.

(Ali Imran, 191-194)

Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. Wahai Tuhan kami! Sebenarnya sesiapa yang Engkau masukkan ke dalam neraka maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya, dan orang-orang yang zalim tidak akan beroleh seorang penolong pun. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang Penyeru (Rasul) yang menyeru kepada iman, katanya: 'Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu', maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami, dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-

kesalahan kami, dan matikanlah kami bersama orang-orang yang berbakti. Wahai Tuhan kami! Berikanlah kepada kami pahala yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui Rasul-rasulMu, dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari kiamat; sesungguhnya Engkau tidak memungkirkan janji".

### Terlepas Daripada Kezaliman

رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا، وَاجْعَلْ  
لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا، وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا.

(An-Nisaa', 75)

Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini, yang penduduknya zalim. Dan jadikanlah untuk kami seorang pemimpin daripada pihak-Mu dan jadikanlah untuk kami penolong (yang membela kami).

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

(Al-'Araf, 47)

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami bersama orang-orang yang zalim.

*Ini adalah doa Nabi Syu'aib a.s apabila ditentang kaumnya.*

رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ  
الْفَاتِحِينَ.

(Al-'Araf, 89)

Wahai Tuhan kami! Hukumkanlah antara kami dan kaum kami dengan kebenaran (keadilan), kerana Engkau jualah sebaik-baik Hakim.

### **Kesabaran**

*Ini adalah doa ahli sihir Fir'aun apabila mereka beriman dan diancam oleh Fir'aun.*

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَقَّنَا مُسْلِمِينَ.

(Al-'Araf, 126)

Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam.

### **Kehancuran Atas Orang Yang Zalim**

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s ke atas Fir'aun dan pembesar-pembesarnya.*

رَبَّنَا اطْمِسْ عَلَى أَمْوَالِهِمْ وَاشْدُدْ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُوا حَتَّى يَرَوْا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ.

(Yunus, 88)

Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta benda mereka dan kuncilah hati-hati mereka, maka dengan itu mereka tidak akan dapat beriman sehingga mereka melihat azab yang amat pedih.

### **Untuk Anak Dan Keturunan**

*Dua doa dibawa adalah doa Nabi Ibrahim a.s.*

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاء.



(Ibrahim, 40)

Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dan zuriat keturunanku orang yang mendirikan solat. Wahai Tuhan kami! Perkenankanlah doa permohonanku.

رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ.

(As-Saffat, 100)

Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang termasuk daripada kalangan orang-orang yang soleh.

### Untuk Ibu Bapa

*Ini adalah doa Nabi Ibrahim a.s.*

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ  
الْحِسَابُ.

(Ibrahim, 41)

Wahai Tuhan kami! Ampunilah daku dan kedua ibu bapaku serta orang-orang yang beriman pada hari pembalasan.

رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا.

(Al-Isra', 24)

Wahai Tuhanku! Rahmatilah ibu-bapaku sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.

### Untuk Keluarga

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

(Al-Furqan, 74)

Wahai Tuhan kami! Berilah perkara-perkara yang menyukakan hati kami melihatnya kami daripada kalangan pasangan-pasangan dan zuriat kami, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa.

*Ini adalah doa Nabi Lut a.s*

رَبِّ نَجِّنِي وَأَهْلِي مِمَّا يَعْمَلُونَ.

(Asy-Syu'ara', 169)

Wahai Tuhanku! Selamatkanlah daku dan keluargaku daripada (kejahatan) yang dilakukan oleh golongan yang jahat.

### **Menghilangkan Dukacita**

*Ini adalah ucapan ahli syurga.*

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا الْحَزْنَ، إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ  
شَكُورٌ.

(Fatir, 34)

Segala pujian bagi Allah yang telah menghapuskan perasaan dukacita daripada kami. Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun, lagi sentiasa memberi balasan yang sebaik-baiknya (kepada orang-orang yang taat).

### **Melengkapkan Cahaya Iman**

رَبَّنَا أَتَمِّمْ لَنَا نُورَنَا وَاعْفِرْ لَنَا، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ.

(At-Tahrim, 8)

Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan ampunilah kami. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

### Untuk Mereka Yang Sudah Meninggal Dunia

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ،  
وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا، رَبَّنَا إِنَّكَ  
رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ.

(Al-Hasyr, 10)

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu.

## Perlindungan Daripada Fitnah Orang-orang Kafir

رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا، وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا، وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ،  
رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا وَاعْفِرْ لَنَا رَبَّنَا،  
إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

(Al-Mumtahanah, 4-5)

Wahai Tuhan kami! Kepada Engkaulah sahaja kami berserah diri, dan kepada Engkaulah kami rujuk bertaubat, serta kepada Engkaulah jua tempat kembali! "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan pendirian dan keyakinan kami terpesong kerana penindasan orang-orang kafir, dan ampunkanlah dosa kami wahai Tuhan kami; sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

### Doa Untuk Saudara Yang Beriman

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s.*

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِأَخِي، وَأَدْخِلْنَا فِي رَحْمَتِكَ وَأَنْتَ  
أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ.

(Al-'Araf, 151)

Wahai Tuhanku! Ampunilah daku dan saudaraku, dan masukkanlah kami ke dalam rahmatMu, kerana Engkaulah sahaja Yang Maha Mengasihani.

### **Perlindungan Daripada Meminta Perkara Yang Tidak Bermanfaat**

*Ini adalah doa Nabi Nuh a.s.*

رَبِّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ،  
وَالْأَلَّا تَغْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي أَكُنْ مِنَ الْخَاسِرِينَ.

(Hud, 47)

Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada memohon sesuatu yang aku tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; dan jika Engkau tidak mengampunkan dosaku, dan memberi

rahmat kepadaku, nescaya aku akan jadi daripada kalangan orang-orang yang rugi.

## **Perlindungan Daripada Fitnah Wanita**

*Ini adalah doa Nabi Yusuf a.s.*

وَالْأَ تَصْرِفُ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُنْ مِنَ  
الْجَاهِلِينَ.

(Yusuf, 33)

Dan jika Engkau tidak menjauhkan daripadaku tipu daya wanita-wanita itu, mungkin aku akan cenderung kepada mereka, dan aku akan jadi daripada kalangan orang-orang yang jahil.

## **Melapangkan Dada Dan Melancarkan Lidah**

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s.*

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَاحْلُلْ  
عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي، يَفْقَهُوا قَوْلِي.

(Taha, 25-28)

Wahai Tuhanku! Lapangkanlah dadaku, mudahkanlah tugasku, lepaskanlah simpulan di lidahku supaya mereka faham perkataanku.

### **Menambahkan Ilmu**

*Ini adalah ucapan para malaikat.*

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ  
الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ.

(Al-Baqarah, 32)

Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai ilmu selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا.

(Taha, 114)

Wahai Tuhanku! Tambahkanilah ilmuku.

**Mohon Zuriat**



*Ini adalah doa Nabi Zakaria a.s.*

رَبِّ لَا تَذَرْنِي فَرْدًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْوَارِثِينَ.

(Al-Anbiya, 89)

Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan daku seorang diri (tanpa zuriat); dan Engkaulah jua sebaik-baik yang mewarisi.

### **Keadilan Ketika Hukuman**

*Ini adalah doa Nabi Muhammad s.a.w.*

رَبِّ احْكُم بِالْحَقِّ، وَرَبُّنَا الرَّحْمَنُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى  
مَا تَصِفُونَ.

(Al-Anbiya, 112)

Wahai Tuhanku! Hukumlah (di antara kami dengan mereka) dengan yang benar. Dan Tuhan kami ialah yang Maha Pemurah, yang dipohonkan pertolonganNya terhadap apa yang kamu sifatkan itu.

اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِي مَا كَانُوا فِيهِ  
يَخْتَلِفُونَ.

(Az-Zumar, 46)

Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata! Engkaulah jua yang mengadili di antara hamba-hamba-Mu, mengenai apa yang mereka sentiasa berselisihan padanya.

### **Ketika Sampai Tempat Tujuan Pelayaran**

*Ini adalah doa Nabi Nuh a.s.*

رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ.

(Al-Mukminun, 29)

Wahai Tuhanku! Turunkanlah daku di tempat yang diberkati, dan Engkau adalah sebaik-baik Pemberi tempat.

## Keselamatan Daripada Kaum Yang Zalim

*Ini adalah doa Nabi Muhammad s.a.w.*

رَبِّ فَلَا تَجْعَلْنِي فِي الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

(Al-Mukminun, 94)

Maka wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan aku tinggal bersama kaum yang zalim.

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s.*

رَبِّ نَجِّنِي مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

(Al-Qasas, 21)

Wahai Tuhanku, selamatkanlah aku daripada kaum yang zalim.

## Perlindungan Daripada Godaan Syaitan

*Ini adalah doa Nabi Muhammad s.a.w.*

رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ، وَأَعُوذُ بِكَ  
رَبِّ أَنْ يَحْضُرُونِ.

(Al-Mukminun, 97-98)

Wahai Tuhanku! Aku berlindung kepada-Mu daripada hasutan syaitan-syaitan. Dan aku berlindung kepada-Mu, wahai Tuhanku, daripada kehadiran syaitan-syaitan.

### **Untuk Berdakwah**

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s.*

رَبِّ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ.

(Asy-Syu'ara', 12)

Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku takut bahawa mereka akan mendustai aku.

### **Bersama Orang Soleh Di Syurga**

*Ini adalah doa Nabi Ibrahim a.s.*

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ، وَاجْعَلْ  
لِي لِسَانَ صِدْقٍ فِي الْآخِرِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنْ وَرَثَةِ  
جَنَّةِ النَّعِيمِ، وَاعْفِرْ لَأبي، وَلَا تُخْزِنِي يَوْمَ يُبْعَثُونَ،

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ، إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ  
بِقَلْبٍ سَلِيمٍ.

(Asy-Syu'ara, 83-89)

Wahai Tuhanku! Berikanlah aku hikmah dan golongkanlah aku bersama orang-orang yang soleh. Dan jadikanlah bagiku sebutan yang baik (nama yang harum) di kalangan orang-orang yang datang kemudian. Dan jadikanlah aku daripada kalangan orang-orang yang mewarisi Syurga Na'im. Dan ampunilah bapaku. Dan janganlah engkau hinakan daku pada hari makhluk-makhluk dibangkitkan hidup semula, hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun, kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat (daripada syirik).

### **Ketika Mendapat Ni'mat**

*Ini adalah doa Nabi Daud a.s. dan doa Nabi Sulaiman a.s.*

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَنَا عَلَى كَثِيرٍ مِنْ عِبَادِهِ  
الْمُؤْمِنِينَ.

(An-Naml, 15)

Segala pujian untuk Allah yang telah melebihkan kami atas kebanyakan hamba-hambanya yang beriman.

*Ini adalah doa Nabi Sulaiman a.s.*

رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ  
وَعَلَى وَالِدَيَّ، وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ،  
وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ.

(An-Naml, 19)

Wahai Tuhanku! Berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada kedua ibu bapakku, dan untuk aku mengerjakan amal soleh yang Engkau redhai, dan masukkanlah aku, dengan rahmat-Mu, dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh.

## Perlindungan Daripada Membantu Orang Buat Maksiat

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s.*

رَبِّ بِمَا أَنْعَمْتَ عَلَيَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا  
لِّلْمُجْرِمِينَ.

(Al-Qasas, 17)

Wahai Tuhanku! Demi ni'mat-ni'mat yang Engkau kurniakan kepadaku, (peliharalah aku) supaya aku tidak akan menjadi penyokong kepada golongan yang melakukan kejahatan.

## Mohon Rezeki

*Ini adalah doa Nabi Musa a.s.*

رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ.

(Al-Qasas, 24)

Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan.

## Kemenangan Atas Kaum Yang Jahat

*Ini adalah doa Nabi Lut a.s.*

رَبِّ انصُرْنِي عَلَى الْقَوْمِ الْمُفْسِدِينَ.

(Al-Ankabut, 30)

Wahai Tuhanku! Tolonglah aku ke atas kaum yang melakukan kerosakan.

## Ketika Sudah Melebihi Umur 40 Tahun

رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ  
وَعَلَى وَالِدَيَّ، وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ، وَأَصْلِحْ  
لِي فِي ذُرِّيَّتِي، إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

(Al-Ahqaf, 15)

Wahai Tuhanku! Berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada kedua ibu bapakku, dan untuk aku mengerjakan amal soleh yang Engkau redhai, dan masukkanlah aku, dengan rahmat-Mu, dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh. Dan berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi



kebaikan) kepada anak cucuku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam.

### **Doa Naik Kendaraan**

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ،  
وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ.

(Az-Zukhruf, 13-14)

Maha Suci Tuhan yang telah menundukkan semua ini bagi kami padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya, dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami.

### **Perlindungan Daripada Bercakap Yang Tidak Baik**

*Ini adalah ucapan Nabi Isa a.s. di akhirat.*

سُبْحَانَكَ مَا يَكُونُ لِي أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِي بِحَقِّ،  
إِنْ كُنْتُ قَلْتُهُ فَقَدْ عَلِمْتَهُ، تَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِي وَلَا  
أَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِكَ، إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ.

(Al-Ma'idah, 116)

Maha Suci Engkau! Tidaklah layak bagiku mengatakan sesuatu yang aku tidak berhak (mengatakannya). Jika aku ada mengatakannya, maka tentulah Engkau telah mengetahuinya. Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku, sedang aku tidak mengetahui apa yang ada pada diriMu; kerana sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib.

### Penutup Doa

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ  
عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

(As-Saffat, 180-182)

Maha Suci Tuhanmu Yang mempunyai kekuasaan daripada apa yang mereka

katakan. Dan kesejahteraan dilimpahkan atas para rasul. Dan segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ، وَآخِرُ  
دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

(Yunus, 10)

Maha Suci Engkau Ya Allah. Dan ucapan mereka di dalam syurga ialah: Salam. Dan akhir doa mereka ialah: Segala puji untuk Allah Tuhan sekalian alam.

# **BAHAGIAN ZIKIR**



Zikir-zikir berikut bermula atau mengandungi tasbih “Subhana”.

سُبْحَانَهُ بَلْ لَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلٌّ  
لَّهُ قَانِتُونَ.

(Al-Baqarah, 116)

Maha Suci Allah (dari apa yang mereka katakan itu), bahkan Dia lah Yang memiliki segala yang di langit dan di bumi, semuanya itu tunduk di bawah kekuasaanNya.

سُبْحَانَهُ أَنْ يَكُونَ لَهُ وَلَدٌ.

(An-Nisaa', 171)

Maha Suci Allah daripada mempunyai anak.

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُصِفُونَ.

(Al-An'am, 100)

Maha Suci Allah daripada apa-apa yang mereka sifatkan (yang tidak layak ke atasNya).

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ.

(At-Taubah, 31)

Tiada tuhan melainkan Dia (Allah). Maha Suci Allah daripada apa-apa yang mereka sekutukan.

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ.

(Yunus, 18 & An-Nahl, 1 & Ar-Rum, 40 & Az-Zumar, 68)

Maha Suci Allah dan tinggi kedudukanNya daripada apa-apa yang mereka sekutukan.

سُبْحَانَهُ هُوَ الْغَنِيُّ، لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ.

(Yunus, 68)

Maha Suci Allah, Dia Yang Maha Kaya, bagiNya segala apa yang di langit dan di bumi.

سُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

(Yusuf, 108)

Maha Suci Allah, dan aku ini bukanlah daripada kalangan orang-orang musyrik.

سُبْحَانَ رَبِّنَا إِنْ كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا.

(Al-Isra', 108)

Maha Suci Tuhan kami, sesungguhnya janji Tuhan kami pasti terlaksana.



سُبْحَانَهُ إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ  
فَيَكُونُ.

(Maryam, 35)

Maha Suci Allah, apabila Dia menghendaki sesuatu perkara, Dia hanya perlu berkata *Kun!* (Jadilah!), maka terjadilah perkara itu.

سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ.

(Al-Anbiya', 22)

Maha Suci Allah, Tuhan yang memiliki Arasy, daripada apa-apa yang mereka sifatkan (yang tidak baik terhadapNya).

سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ.

(Al-Mukminun, 91 & As-Saffat, 159)

Maha Suci Allah daripada apa-apa yang mereka sifatkan (yang tidak baik terhadapNya).

سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

(An-Naml, 8)

Maha Suci Allah, Tuhan sekalian alam.

سُبْحَانَ اللَّهِ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ.

(Al-Qasas, 68)

Maha Suci Allah dan tinggi kedudukanNya daripada apa-apa yang mereka sekutukan.

سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ  
الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ.

(Yaasin, 36)

Maha Suci Zat Yang mencipta segala sesuatu berpasangan, daripada apa-apa yang tumbuh di muka bumi, dan daripada diri mereka sendiri, dan daripada perkara-perkara yang mereka tidak tahu.

سُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ  
تُرْجَعُونَ.

(Yaasin, 83)

Maha Suci Allah Yang mana di tanganNya kekuasaan segala sesuatu, dan kepadaNya kamu semua kembali.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ.

(As-Saffat, 180)

Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai kekuasaan, daripada apa-apa yang mereka sifatkan (yang tidak baik terhadapNya).

سُبْحَانَهُ هُوَ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ.

(Az-Zumar, 4)

Maha Suci Allah, Dia lah Allah Yang Esa,  
Yang Mengalahkan (musuh-musuhNya)

سُبْحَانَ رَبِّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبِّ  
الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ.

(Az-Zukhruf, 82)

Maha Suci Tuhan Yang memiliki langit dan bumi, Tuhan Yang memiliki Arasy, daripada apa-apa yang mereka sifatkan (yang tidak baik terhadapNya).

سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ.

(At-Tur, 43 & Al-Hasyr, 23)

Maha Suci Allah daripada apa-apa yang mereka sekutukan.

Zikir-zikir berikut bermula atau mengandungi pujian “Alhamdulillah”.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

(Al-Fatihah, 2 & Al-An'am, 46 & )

Segala pujian bagi Allah Tuhan sekalian alam.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ  
وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ.

(Al-An'am, 1)

Segala pujian bagi Allah Yang mencipta langit dan bumi dan menjadikan kegelapan dan cahaya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ  
شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وِيٌّ مِنْ  
الدُّلِّ، وَكَبَّرَهُ تَكْبِيرًا.

(Al-Isra', 111)

Segala pujian bagi Allah Yang tidak mengambil anak, dan tiada sekutu dalam kerajaannya, dan tiada baginya penolong disebabkan sesuatu kelemahanNya; dan agungkanlah Dia dengan sebesar-besarnya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ  
يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا.

(Al-Kahfi, 1)

Segala pujian bagi Allah Yang menurunkan Kitab kepada hambaNya, dan Dia tidak menjadikan apa-apa di dalamnya bengkok.

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَىٰ.

(An-Naml, 59)

Segala pujian bagi Allah dan keselamatan untuk hamba-hambaNya yang Dia telah pilih.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ، وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ، وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ.

(Saba', 1)

Segala pujian bagi Allah Yang mana milikNya segala apa yang di langit dan di bumi, dan untukNya segala pujian di Akhirat, dan Dia itu Maha Bijaksana, Maha Mengetahui.

الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، جَاعِلِ  
الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا أُولِي أَجْنِحَةٍ مَثْنَى وَثُلَاثَ  
وَرُبَاعَ، يُزِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ، إِنَّ اللَّهَ عَلَى  
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

(Fatir, 1)

Segala pujian bagi Allah Yang menciptakan langit dan bumi, Yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat; Dia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang Dia cipta apa jua yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقْنَا وَعَدَهُ وَأَوْرَثَنَا  
الْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ فَنِعْمَ  
أَجْرُ الْعَامِلِينَ



(Az-Zumar, 74)

Segala pujian bagi Allah Yang telah menepati janjiNya kepada kami, dan yang menjadikan kami mewarisi bumi Syurga ini, kami boleh mengambil tempat dari Syurga ini di mana sahaja kami sukai; maka pemberian yang demikian ialah sebaik-baik balasan bagi orang-orang yang beramal.

وَصَلِّ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ سُبْحَانَ مَا حَمَلَتْهُ أَلْفُ مَلَكٍ وَمَلَكٌ بِرَبِّهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Buku kecil ini mengandungi doa-doa dan zikir-zikir yang terkandung dalam Al-Quran. Doa-doa ini disusun di bawah tajuk yang mengikut kesesuaiannya. Namun, kesemua doa dan zikir dalam buku kecil ini boleh diamalkan pada bila-bila masa.

***DARUL HUFFAZ LEARNING CENTRE***

218 Changi Road (PKMS Building), Singapore 419737  
T: 9636 5353 E: [info@darulhuffaz.sg](mailto:info@darulhuffaz.sg) W: [darulhuffaz.sg](http://darulhuffaz.sg)